

KEPINCANGAN NILAI UNDI DALAM SISTEM PILIHANRAYA DEMOKRASI SEKULAR: Pengalaman Malaysia

Mantan Perdana Menteri Britain, Winston Churchill pernah mengungkapkan kenyataan seperti berikut: “ *Demokrasi adalah sistem pemerintahan yang paling buruk, tetapi tidak ada satu sistem lain pun yang lebih baik daripada itu.*”

Suatu perspektif yang cukup menarik daripada seorang tokoh negarawan British, yang mengakui keburukan sistem demokrasi, ironisnya tetap terpaksa tunduk akur pada sistem ini kerana pada pandangannya sistem ini sahaja yang paling kurang mudharat berbanding bentuk sistem-sistem pemerintahan lain yang difahaminya.

Apa yang pasti, Churchill berfikiran demikian berdasarkan pengetahuannya yang mendalam tentang pengalamah sejarah negara-negara Eropah yang suatu ketika dahulu tunduk di bawah sistem feudalism yang terkenal dengan pemerintahan golongan bangsawan sebagai tuan-tuan tanah yang zalim, rakyat hidup sebagai hamba mereka, raja-raja bersifat mutlak, mengambil kesempatan atas dakwaan sebagai kuasa yang menerima mandat Tuhan (divinely anointed), akhirnya masyarakat Eropah yang sangat sengsara dan tertekan dengan belenggu sistem ini telah bertindak membebaskan diri mereka, kebanyakannya melupuskan sistem monarki dan mengambil bentuk republik, ‘mandat ketuhanan’ diputuskan, Kedaulatan Raja berpindah ke tangan rakyat menjadi Kedaulatan Rakyat, menjadi Demokrasi Sekular, sistem undi pilihanraya diperkenalkan. Manakala bentuk pemerintahan monarki Britain berubah menjadi Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen.

Di satu sisi saya amat bersetuju dengan Churchill (“demokrasi adalah sistem pemerintahan paling buruk”). Malangnya, sekitar abad ke 18-20, satu persatu negara-negara dunia, bermula di dunia Barat, mula tunduk di bawah sistem ini, mengambil bentuk republik, seolah-olah menjadi suatu ‘agama baru’ berteraskan konsep Kedaulatan Rakyat dengan slogan muluk ‘Equality, Fraternity, Liberty’. Ramai warga dunia telah tertipu untuk tempuh sekitar 3 abad dengan natijah-natijah yang tidak terjangkau, kini sistem ini telah mula menunjukkan sisi huduhnya, membelenggu manusia kepada golongan kapitalis dan sekular liberal sebagai penguasa dan pengaruh-pengaruh baru, menyembah dunia materialistik dan nafsu syahwat, memijak-mijak prinsip moral, nilai dan peradaban ketuhanan, ramai masyarakat dunia masakini seolah-olah telah mula sedar bahawa demokrasi yang melahirkan negara-negara republik realitinya telah mencetuskan Tamadun Tidak Bertuhan yang menyengsarakan.

Kepada yang masih kurang faham betapa bahaya dan mudaratnya sistem ini, izin saya kongsi pengalaman sistem politik negara Malaysia sendiri, yang

dikatakan mengguna pakai sistem 'Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen'.

Malaysia merupakan sebuah negara yang unik, yang mana bentuk sistem pemerintahannya adalah gabungan daripada sistem pemerintahan beraja yang bersifat warisan, manakala sistem pemilihan pentadbir diubah daripada sistem warisan (yang agak lebih longgar berbanding raja) kepada bentuk Demokrasi Berparlimen, yang diistilahkan sebagai kuasa majoriti rakyat yang terbatas dalam undang-undang perlembagaan bagi menjamin semua peringkat rakyat mempunyai beberapa hak individu atau hak kolektif seperti kebebasan bersuara dan kebebasan beragama.

Kuasa politik dan perundangan negara Malaysia mengambil punca kuasa tertinggi daripada Yang di-Pertuan Agong dan Raja-Raja Melayu, yang hakikatnya merupakan kedaulatan induk bagi negara ini, memerintah sebagai khalifah Allah menurut Perkara 181 (1), yang diwarisi daripada sistem watan tradisional, ditambah dengan Perkara 32, 37, 38, 39, 3, 153 dan banyak lagi peruntukan lain, memastikan kepentingan agama, bangsa dan watan adalah dibawah amanah dan pertanggungjawaban YDPA dan RRM sebagai ketua negara dan negeri-negeri.

Manakala para pentadbir yang bertanggungjawab mengurus kerajaan Yang di-Pertuan Agong@Malaysia, yang membentuk jemaah kabinet di Dewan Rakyat, Perkara 113 pula memperuntukan proses pilihanraya untuk memilih golongan ini. Walaupun tiada perkataan 'demokrasi' disebut di mana-manapun di dalam peruntukan perlembagaan, namun secara praktis merujuk pemakaian sistem ini dalam proses pilihanraya negara Malaysia, yang ramai pakar bidang mengistilahkan sebagai bentuk Demokrasi Berparlimen.

Apa yang mengusarkan, penganutan negara ini selama lebih tiga suku abad kepada bentuk Demokrasi Berparlimen, juga telah mula menampakkan bahaya ancaman dan kemudaratanya. Antara yang menjolok mata, adalah kepincangan pada aspek NILAI UNDI PILIHANRAYA sebagai kayu ukur, oleh komiti yang merencana pelaksanaan sistem ini di peringkat awal (era 50an), yang natijahnya masakini membawa kepada pemilihan sebahagian ahli Dewan Rakyat kepada jawatan AMANAH sebagai pentadbir kerajaan Yang di-Pertuan Agong, demi membangunkan negara masalah, yang seharusnya menghimpun kebajikan, membuang mudarat, sekaligus memelihara kepentingan Islam, bangsa Melayu serta kaum-kaum lain yang mempunyai hak yang diperuntukan di bawah Perlembagaan Persekutuan .

Berlaku kepincangan dasar dan ketidak adilan yang ketara pada prinsip Nilai Undi yang digunakan dalam proses pilihanraya di Malaysia:

1. Nilai undi yang sama diberikan kepada umat Islam dengan non Muslim
2. Nilai undi yang sama diberikan kepada bangsa Melayu, kaum pribumi dengan kaum-kaum pendatang
3. Nilai undi yang sama diberikan kepada orang awam berbanding ulama dan cendikiawan
4. Nilai undi yang sama diberikan kepada pelajar IPT dengan professor
5. Nilai undi yang sama diberikan kepada ateis, murtad dan golongan lgbt dengan ahli takwa
6. Nilai undi yang sama diberikan kepada golongan liberal dan sekular
7. Nilai undi yang sama diberikan kepada pengkhianat bangsa berbanding pejuang
8. Nilai undi yang sama diberikan kepada golongan belia dengan warga dewasa
9. Nilai undi yang sama diberikan kepada ahli maksiat, penagih dadah, penjenayah dengan warga yang baik

Bayangkan pula, jumlah penduduk Islam di negara ini berbanding dengan gabungan non-Muslim dari pelbagai kaum. Menurut statistik, sekitar 59% penduduk Islam di negara ini berbanding 41% non Muslim, sementara undi penduduk Islam pula kini berpecah kepada banyak parti politik dengan agenda, kepentingan dan citasara masing-masing, tidak habis-habis bergaduh sesama sendiri dan melompat-lompat parti. Ini belum termasuk ahli-ahli politik yang berfikiran sekular, liberal, pluralisme, hatta yang mendapat tanggungan daripada elemen-elemen subversif dalam jaringan lokal dan global, yang sudah pasti mencairkan, malah mengancam kepentingan Islam, bangsa Melayu dan kedaulatan Raja-Raja Melayu di negara ini.

Bayangkan pula senario berikut: Seorang calon wakil rakyat atau parti politik menang hanya dengan undi sebanyak 51% sedangkan undi yang menolaknya sebanyak 49%. Apakah dalam posisi goyah ini, dengan ramai orang-orang politik lain yang bersedia untuk 'menikamnya' dari belakang bagi mendapatkan kuasa sementara yang ada di tangannya itu, ia mampu melaksanakan amanah jawatan, atau mengambil sedikit ruang dan peluang kuasa untuk mengaut habuan dan keuntungan materialistik semaksimal mungkin? Adakah terjamin bahawa kepentingan golongan yang tidak mengundi calon atau parti politik yang seramai 49% itu tetap terus dipelihara??

Ringkasnya pemilihan ahli Dewan Rakyat melalui sistem pilihanraya berteraskan konsep Demokrasi Sekular, dengan bentuk Nilai Undi yang tidak adil, ditambah dengan permainan dan pertaruhan ahli-ahli politik dengan politik Machievelli yang banyak cacat celanya itu, termasuk manipulasi media dan propaganda pembohongan, sehingga berlaku pemilihan ahli-ahli Dewan Rakyat dari kalangan mereka yang korup, dengan imej yang tercela dan tercalar, mempunyai sejarah pengkhianatan kepada amanah agama,

bangsa dan watan, penunggang agama, belum masuk ahli maksiat tegar yang menjolok mata, namun mereka tetap dapat terus duduk di jawatan amanah kerana menang dalam sistem undi pilihanraya yang menjadi bagai satu agama yang sakral, kebal dan tidak boleh disentuh.

Di tangan golongan inilah, diberi amanah dan tanggungjawab besar untuk memilih Perdana Menteri Malaysia, Menteri-Menteri Besar, menggubal serta meminda akta dan undang-undang negara, menjaga khazanah perbendaharaan negara, menasihati Yang di-Pertuan Agong dan Raja-Raja Melayu, mencorak dasar dan hala tuju negara, mencadangkan penjawat awam yang strategik seperti jawatan Peguam Negara, Ketua Polis Negara dan Hakim Mahkamah, dan banyak lagi.

Malah, melalui sistem yang sama inilah, mereka dapat menguasai parlimen dengan bilangan ahli yang ramai di situ, sehingga mempunyai kuasa budi bicara dan pengaruh besar untuk mencadangkan calon-calon pilihan menjadi menteri-menteri strategik seperti Menteri Pendidikan, Menteri Ekonomi, Menteri Pertahanan, Menteri Agama dan sebagainya, malah sebahagian mereka juga dapat menjadi menteri-menteri strategik. Jika parti mereka menang banyak, kuasa melobi semakin kuat untuk meletakkan orang mereka sebagai Perdana Menteri dan jawatan-jawatan strategik.

Apakah di tangan golongan ini akan dapat dibangunkan negara maslahah, tamadun sejahtera dan peradaban murni luhur?

Ini bukan cerita rekaan, hal ini telah benar-benar berlaku di tanah air tercinta ini, dan masih terus berlaku, tercermin pada situasi politik negara masakini dengan segala masalah dan kebejatanya yang tak berkesudahan (khususnya dalam tahun 2018-2020), bermula dari pilihanraya pertama tahun 1955, semakin lama semakin lumpuh perkara AMANAH ALLAH sangkinkan ramainya orang-orang politik yang berlindung di sebalik kejelekan sistem demokrasi sekular.

Sehingga baru-baru ini ramai rakyat jelata, para pejuang agama, bangsa dan watan, pakcik makcik yang prihatin, umat Islam yang sayang agama, terpaksa merayu memohon kepada Raja-Raja Melayu untuk tampil bersikap proaktif dalam menjaga AMANAH TANGGUNGJAWAB yang gagal diurus selia dengan baik, tanpa keinsafan, tanpa rasa takut bahawa amanah ini akan kembali kepada Tuannya yang hakiki, yakni Tuhan Maha Pencipta, Allah Jalla Jalaluh, sehingga golongan yang mengkhianati perkara amanah berada dalam keadaan yang berpotensi membahayakan nasib mereka di Hari Akhirat kelak, na'uzubillahi min zalik.

Apakah kita masih hairan dengan kenyataan Winston Churchill? Apakah dengan ilmu dan kesedaran ini, kita akan terus membiarkan nasib anak cucu

kita menjadi mangsa kepada sistem yang buruk dan mudarat ini? Apakah kita benar-benar yakin bahawa tiada sistem lain yang lebih baik daripada sistem Demokrasi Sekular maka kononnya kita tiada pilihan !! Tepuk dada tanya iman...

Akhir kalam, saya ingin menyanggah pendapat Winston Churchill bahawa tidak ada satu sistem lain yang lebih baik daripada sistem Demokrasi Sekular. Sayang, Churchill mungkin tidak sempat belajar tentang bentuk-bentuk sistem pemerintahan umat Islam sehingga tidak tahu bahawa Islam telahpun menawarkan bentuk pemerintahan yang jauh lebih baik, yang tidak dibingkai di bawah Kedaulatan Rakyat dan bukan juga di bawah kedaulatan sistem monarki seumpama sejarah feudalism Eropah.

Demi Allah, dalam Islam, KUASA ADALAH AMANAH ALLAH, bukan hak insan, prinsip ini yang membingkai seluruh aspek-aspek pemerintahan dan pembangunan negara masalah sehingga raja, pembesar dan rakyat masing-masing mempunyai hak dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan, yang akan dipersoalkan di Mahkamah Allah nanti. Dan Islam telahpun mempunyai model-model pemerintahan yang terbukti mampu menghidup dan melaksanakan perkara amanah ini, dengan segala kebelenturan bentuk dan struktur untuk menyikapi rentas zaman, wilayah dan adat budaya, namun intipati asasnya yang menggenggam aqidah dan sunnah Rasulullah saw tetap mampu dihidupkan dengan baik.

Perlembagaan negara kita asasnya Islam, Khalifahnya Yang di-Pertuan Agong dan Raja-Raja Melayu. Mungkin alim-ulama, para cendikiawan, pakar bidang dan 'think thank' negara perlu mula untuk berfikir secara 'out of the box' dan bermuzakarah, dengan niat dan matlamat untuk memperbetulkan kepincangan-kepincangan pada bentuk sistem pilihanraya dalam pemilihan ahli-ahli Dewan Rakyat yang benar-benar bertakwa, beramanah dan berintegriti, sebagaimana mengikut dalil al-Quran dan as-Sunnah 'serahkan perkara kepada ahli-ahlinya'...